

**Ucapan Perasmian
Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15
7 Julai 2021 (Rabu)
Tan Sri Azman Mokhtar**



Assalamu`alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Yang Berbahagia, Saudara Adnan Zaylani. Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia,
2. Yang Berusaha, Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin, Pengarah Eksekutif Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA),
3. Yang Berusaha, Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Omar, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INCEIF,
4. Yang Dihormati Wakil-wakil dari Negara-negara Nusantara, (Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA (BRUNEI), Prof. Madya Dr. Murniati Mukhlisin, Rektor Institut Tazkia (INDONESIA), Prof. Dr. Zakariya Hama, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Penyelidikan, Universiti Fatoni (THAILAND), Encik Umar Munshi, Pengarah Urusan Kumpulan, Ethis (SINGAPURA), para pembentang, pendiskusi dan para peserta Muzakarah2021 yang saya hormati sekalian.
5. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta`ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dipertemukan secara maya dalam Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Kelima Belas (15) pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Situasi terkini: Tiga Krisis dalam Satu (A Three in One Crisis)

1. Seperti mana yang kita sedia maklum, tahun 2020 dan seterusnya tahun 2021 ini akan tercatat dalam sejarah sebagai krisis pertama era globalisasi sejak 30 tahun yang lepas ini yang betul-betul bersifat global di mana setiap pelusuk dunia dan setiap aspek kehidupan dari segi kesihatan, ekonomi, sosial dan politik telah pun disentuh oleh wabak ini dan dengan impak yang sangat ketara dan menggerunkan.
2. Kita di Alam Nusantara, sebagai salah satu rantau di dunia yang sangat terbuka serta berkait rapat dengan rantau lain sememangnya tidak terkecuali. Secara amnya, Alhamdulillah, telah banyak usaha yang dilaksanakan dan walaupun dengan pelaksanaan banyak program terutamanya program perubatan, pakej pemulihan ekonomi dan pakej pemulihan sosial, kita faham dan akur bahawa banyak lagi yang harus diusahakan sebelum kita dapat keluar daripada musibah ini.
3. Di dalam hal ini, saya ingin kemukakan suatu pandangan di mana walaupun tumpuan dunia adalah kepada wabak pandemik ini, kalau kita renungkan dengan lebih mendalam, kita sebenarnya sedang menghadapi bukan satu tetapi tiga krisis dalam satu (a three in one crisis) di mana dunia, termasuk rantau Nusantara, mengalami “a perfect storm” dalam tiga jangka masa, yakni dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.
4. Yang pertama, krisis jangka masa terdekat (12 hingga 24 bulan, hingga tahun 2023) adalah semestinya cabaran kesihatan, di mana kita perlu mengambil kira bahawa sifat wabak ini bermakna kita kena betul-betul mencari penyelesaian yang menyeluruh, di mana “we are all not safe until all of us are safe” – ya, kita semua hanya selamat apabila semua selamat.
5. Yang kedua, cabaran jangka masa sederhana (medium term) (tiga hingga lima tahun, hingga tahun 2025) adalah cabaran pemulihan dan pembangunan ekonomi dan kewangan di mana negara-negara dan masyarakat bukan sahaja perlu menangani cabaran kesihatan dan keselamatan negara yang memakan dana yang amat tinggi, bahkan untuk mencadang, mengatur dan melaksanakan program pemulihan kewangan dan ekonomi. Dan ini harus dilaksanakan secara serentak juga.

6. Yang ketiga ialah cabaran jangka masa panjang (long term) (lima hingga sepuluh tahun, hingga tahun 2030), di mana setiap sektor dalam negara serta masyarakat hendaklah cuba menggunakan peluang daripada krisis ini untuk membuat pembaharuan dan rombakan struktur (structural reform) bagi menangani isu-isu besar dari segi penstrukturan masyarakat terutamanya dalam isu jurang serta ketidaksamaan pendapatan dan kekayaan, isu korupsi dan tadbir urus (corruption and governance) dan isu alam sekitar (environment).
7. Ketiga-tiga krisis, jangka masa serta cabaran-cabarannya adalah bertindih dan berkait, jadi penyelesaiannya pun semestinya mengambil kira penyelesaian yang menyeluruh (holistic), syumul dan bernas, berlandaskan “worldview” yang benar-benar inklusif, progresif dan berihsan.
8. Di seluruh dunia, sama ada negara-negara Islam atau bukan Islam sedang mencari penyelesaian ketiga-tiga krisis ini dan setiap penyelesaian memerlukan kaedah kewangan dan ekonomi yang bukan sahaja efektif dari satu aspek, bahkan memberi penyelesaian yang betul-betul menyeluruh, inklusif dan berihsan.
9. Bertepatan dengan krisis tiga penjurong ini yang didahului oleh pandemik COVID-19, tema Muzakarah pada kali ini, “**Industri Kewangan Islam Pasca Pandemik: Impak, Cabaran dan Hala Tuju**” pada hemat saya adalah amat tepat sekali. MUZAKARAH2021 selaku wadah utama bagi para cendekiawan dan pengamal industri di rantau Nusantara akan membahaskan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam bagi membincangkan strategi serta kaedah yang paling sesuai dalam mendepani krisis global ini dan menghasilkan impak positif kepada ekonomi dan kemaslahatan masyarakat secara amnya dalam memenuhi *maqasid* Syariah.

Peranan institusi kewangan Islam dalam membantu menangani cabaran tiga krisis ini:

1. Justeru, Alhamdulillah, saya ambil maklum bahawa agenda program Muzakarah tahun ini menumpu kepada tajuk-tajuk yang amat tepat lagi relevan meliputi moratorium bank dan takaful dalam kewangan Islam, institusi zakat dan waqaf dalam sistem kewangan sosial Islam dan kegunaan kaedah teknologi serta “fintech” dalam memupuk sistem kewangan yang lebih inklusif melalui “crowdfunding”.
2. Industri kewangan Islam secara khususnya telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu golongan yang terjejas akibat pandemik. Ia disokong oleh peranan aktif Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia yang mengeluarkan keputusan-keputusan penting sepanjang tahun 2020 dengan memberikan panduan pelaksanaan langkah-langkah bantuan yang selaras dengan prinsip Syariah. Keputusan-keputusan ini menumpukan kepada usaha mengurangkan kesukaran kewangan yang dialami oleh rakyat yang terjejas akibat pandemik.
3. Saya juga berharap Muzakarah pada tahun ini dapat mengambil kira dan menganalisis beberapa arus perdana (megatrend) besar yang sedang dilalui oleh dunia global termasuk arus teknologi, “climate change” (perubahan iklim), “great power rivalry” antara AS dan China dan tadbir urus kewangan, pelaburan dan ekonomi yang berasaskan “Sustainable Development Goals (SDG)” dan prinsip “Environmental, Social and Governance” (ESG). Pendekatan kepada arus-arus ini masih belum disempurnakan lagi dan saya cukup yakin bahawa sememangnya keindahan dan kesyumulan sistem kewangan dan ekonomi Islam boleh menyempurnakan pendekatan terhadap arus perdana ini sebagai rahmat kepada sekalian alam, InsyaAllah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah SWT,

Kesimpulan

1. Sebagai kata penutup, saya tertarik kepada pepatah yang banyak disebut kebelakangan ini yang menyatakan bahawa krisis COVID-19 ini adalah ibarat kita semua berada di dalam satu bahtera atau kapal yang sedang bergelut mengharungi ribut yang amat dahsyat ini. Ramai juga pujangga yang telah memperbetulkan metafora ini, yakni, memang betul ribut ini sangat dahsyat, tetapi lebih tepat dikatakan bahawa ributnya satu, tetapi kapal-kapalnya berbeza – “we are in the same storm, but the boats are different” – ada yang bahteranya besar, kuat lagi perkasa, tetapi kebanyakannya adalah kapal dan sampan yang kecil dan terapung-apung, terumbang-ambing di dalam air sambil dilanda ribut yang menggerunkan.
2. Kita juga mengambil iktibar daripada pesanan Baginda Rasullullah SAW di dalam hadis sahih yang masyhur riwayat Bukhari¹ yakni perumpamaan para mukmin yang berada di dalam sebuah kapal di mana mereka yang berada di atas kapal serta mereka yang berada di bahagian bawah kapal perlu bekerjasama serta bersatu bagi mengelakkan kebinasaan dalam perjalanan menuju keselamatan sambil menempa ribut dan air lautan yang penuh bahaya dan cabaran.
3. Sesungguhnya pada hakikatnya ini adalah krisis kemanusiaan. Maka ia memerlukan penyelesaian yang berlandaskan prinsip-prinsip rahmat, ihsan serta kemanusiaan. Kewangan Islam mempunyai semua rahsia dan ubat di dalam sistemnya dan terpulanglah kepada kita untuk mudah-mudahan mencapainya. InsyaAllah.
4. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ISRA dan INCEIF atas penganjuran Muzakarah dan saya mendoakan Muzakarah pada kali ini akan berjalan dengan lancar dan dapat menjadi satu platform bagi mencapai objektif yang disasarkan.
5. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Kelima Belas (15).

Sekian, Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Azman Hj Mokhtar
Kajang 7hb Julai 2021

¹ Sahih Bukhari No. 2313